

# FPEP UMS, KCCI jalin kerjasama bangunkan perniagaan komuniti

UB 16.10.2024 P.03

KOTAKINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memperkuuh jalinan kerjasama dengan pihak industri bagi memberi manfaat khususnya kepada pelajar dan kakitangan.

Terbaru, FPEP UMS menandatangani surat niat bersama Kadazandusun Chamber of Commerce and Industry (KCCI).

Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie Abd. Karim berkata, program itu antara lain bertujuan membantu meningkatkan akademik di samping berkongsi kepakaran dalam kalangan warga UMS, pihak KCCI dan komuniti.

"Selain itu, ia juga untuk berkongsi pengetahuan melalui penyertaan aktif menggunakan pelbagai platform termasuk seminar, persidangan, bengkel dan lain-lain yang



**KERJASAMA:** Majlis Menandatngani Surat Niat antara FPEP UMS dan KCCI.

berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pentadbiran yang biasanya boleh

memberi manfaat kepada UMS dan KCCI.

"Saya berharap kerjasama

ini dapat memberi faedah kepada KCCI dan juga fakulti dan seterusnya memberi

kesan yang positif kepada pelajar dan juga masyarakat setempat melalui aktiviti atau

program-program yang bakal dijalankan," katanya.

Rahimie berkata, sepanjang pentadbiran Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor, beliau turut menekankan sumbangan dan penglibatan UMS terhadap komuniti.

"Sebenarnya di bawah pentadbiran Naib Canselor sekarang, beliau memang menekankan kepada sumbangan UMS kepada komuniti dengan tagline 'UMS Leading Towards Innovative Societies'.

"Apa yang kita mahu adalah kewujudan UMS ini dapat memberi manfaat kepada orang ramai khususnya kepada komuniti," katanya.

Sementara itu Presiden KCCI Datuk Ladislaus Maluda berkata, surat niat yang ditandatangani akan membuka ruang kerjasama bagi kedua-dua pihak.

Katanya, pihak KCCI mengalu-alukan kerjasama

strategik antara kedua-dua pihak atas dasar peranan dan kekuatan masing-masing dalam memajukan bidang ekonomi dan perniagaan dalam kalangan penduduk, penuntut universiti dan usahawan yang sedia ada.

Ladislaus berkata, penyempurnaan surat niat itu akan menjadi titik permulaan kepada perhubungan dan kerjasama strategik antara FPEP dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun Malaysia.

Pada majlis menandatangani surat niat itu, FPEP UMS diwakili oleh Rahimie manakala KCCI diwakili oleh Ladislaus Maluda.

Hadir sama, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Dr. Sudzin Lada; Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), Dr. Sharifah Milda Amirul serta Setiausaha Agung KCCI, Pius Jaua.